



جباتن كحاکيمن شرعية مليسيا

KETUA PENGARAH /KETUA HAKIM SYARIE

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

Aras 2,3 & 4, Blok D7, Parcel D,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62677 PUTRAJAYA

Tel : 03-8886 4800

03-8886 4888

Faks : 03-8889 1621

email : ibrahim@esyariah.gov.my

Laman Web : www.jksm.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4(33)
Tarikh : 15 Jamadil Akhir 1435H/
15 April 2014

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri.**

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2013

Had Masa Sebutan Dan Perbicaraan

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Tahun 2013 pada 27 hingga 29 Muharram 1435 bersamaan 1 hingga 3 Disember 2013 di Port Dickson, Negeri Sembilan telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan berhubung Had Masa Sebutan dan Perbicaraan Kes. Sebutan satu-satu kes hendaklah dibuat **dalam tempoh 21 hari selepas kes difailkan** dan **tempoh penyelesaian kes adalah 180 hari** dengan syarat segala kehendak kes dipatuhi dan prosiding kes berjalan lancar.

2. Arahan Amalan No. 6 Tahun 2000 dan Arahan Amalan No. 2 Tahun 2001 adalah dibatalkan.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 15 April 2014.

(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)

Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.